

Promosi Pembiayaan ASB-i: Promosi Ganjaran Tunai [\(English Version\)](#)

Dikemas kini pada 30 Januari 2026

TEMPOH PROMOSI

Promosi Pembiayaan ASB-i: “Promosi Raya 2026” (“Promosi”) Hong Leong Islamic Bank Berhad (Registration No. 200501009144 (686191-W) (“HLISB” atau “Bank”) bermula pada 13 Februari 2026 dan berakhir pada 13 May 2026, termasuk kedua-dua tarikh, atau apabila mencapai sasaran promosi yang ditetapkan, mengikut mana yang terdahulu (**“Tempoh Promosi”**), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut (**“T&S”**).

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada semua pemegang akaun individu HLISB dan Hong Leong Bank Berhad (**“HLB”**) sedia ada dan baharu yang berstatus bumiputera (**“Pelanggan”**) (yang memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:
 - a) Berumur di antara lapan belas (18) hingga enam puluh (60) tahun;
 - b) Pemohon individu atau bersama, sama ada bekerja bergaji atau bekerja sendiri;
 - c) Pemohon bersama hendaklah warganegara Malaysia atau penduduk tetap yang terhad kepada pasangan suami isteri atau ibu atau bapa bersama anak kandung;
 - d) Memohon Pembiayaan ASB-i (**“Kemudahan”**) minimum sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu (RM100,000) dalam Tempoh Promosi;
 - e) Memohon Kemudahan dengan tempoh minimum lima hingga tiga puluh lima (5 – 35) tahun atau sehingga berumur enam puluh lima (65) tahun, mengikut mana lebih awal (**“Tempoh Kemudahan”**);
 - f) Mempunyai Akaun Semasa/Simpanan-i (**“CASA-i”**) dan/atau Akaun Semasa/Simpanan (**“CASA”**) yang sah dan aktif dengan pihak bank.
 - g) Menghantar permohonan menerusi wakil jualan di cawangan terdekat.
2. Individu berikut TIDAK layak menyertai Promosi ini:
 - a) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh pihak Bank atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi;
 - b) Pelanggan yang ditentukan oleh pihak Bank sebagai berpotensi melakukan mana-mana kesalahan yang dinyatakan di sini; dan
 - c) Pelanggan yang telah melanggar mana-mana Terma & Syarat yang terkandung di sini, Terma dan Syarat Pembiayaan ASB-i dan terma dan syarat yang terpakai (**“Terma & Syarat Yang Terpakai”**);

KAEDAH PROMOSI

3. Untuk layak menyertai Kempen ini,
 - a) Pelanggan dikehendaki memohon **Kemudahan** bermula dari 1 Februari 2026.
 - b) Kadar keuntungan yang akan dikenakan adalah seperti yang tertera dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Amaun Minimum Diluluskan	Kadar Keuntungan Efektif	SBR* + Spread
RM100,000	4.05%	SBR + 1.30%

* SBR – Kadar Asas Standard

SBR semasa adalah 2.75%

- c) Kemudahan tersebut akan dikeluarkan selewat-lewatnya pada 13 Jun 2026

Bagi tujuan Promosi ini, Pelanggan yang telah memenuhi SEMUA mekanik Promosi di bawah Klausa 3 di atas hendaklah dirujuk sebagai “Pelanggan Layak”.

4. Pelanggan Layak berpeluang untuk memenangi Ganjaran Tunai (Ganjaran) seperti yang tertera dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2

Amaun Kemudahan	Ganjaran	Bilangan Ganjaran
RM100,000 dan ke atas	RM100	100 terawal biayai

- Ganjaran adalah berdasarkan siapa cepat dia dapat dan terhad kepada seratus (100) Pelanggan Layak pertama sahaja (“**Pelanggan Berkelayakan**”). Setiap Pelanggan Berkelayakan hanya layak menerima satu (1) Ganjaran sahaja semasa Tempoh Promosi.
- Pihak Bank akan memaklumkan kepada Pelanggan Berkelayakan dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas 13 Jun 2026 sama ada melalui e-mel, telefon, pemberitahuan *In App Push* (“**IAP**”) atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap praktikal oleh pihak Bank (“**Notifikasi Pemenang**”) atas dasar usaha terbaik berdasarkan butiran pelanggan yang diberikan oleh Pelanggan Layak mengikut rekod pihak Bank.
- Ganjaran akan dikreditkan ke dalam akaun CASA/CASA-i kepada Pelanggan Berkelayakan dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas Notifikasi Pemenang. Sekiranya terdapat Permohonan Kemudahan Bersama, Ganjaran akan dikreditkan ke dalam akaun CASA/CASA-i Pemohon Utama.
- Ganjaran tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga atau ditukar dengan sebarang kredit, cek atau faedah barangan, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.
- Sekiranya Ganjaran tidak diterima, Pelanggan Berkelayakan bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada pihak Bank dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh Notifikasi Pemenang. Jika gagal berbuat demikian, Pelanggan Berkelayakan dianggap telah menerima Ganjaran tersebut dan sebarang aduan mengenai kegagalan penerimaannya tidak akan dilayan oleh pihak Bank.

UMUM

- Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan Layak:
 - mengesahkan telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk mematuhi T&Sini dan Terma dan Syarat Pembiayaan ASB-i;
 - mengesahkan bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Notis Privasi Bank yang boleh disemak di laman web HLISB;

- c) bersetuju untuk mengakses laman web HLISB dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S dan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&S;
- d) bersetuju untuk menyerahkan segala dokumen berkenaan yang diminta oleh pihak Bank tepat pada masa supaya Kemudahan dapat diluluskan dan disalurkan semasa Tempoh Promosi. Jika Pelanggan Layak tidak dapat menyerahkan dokumen berkenaan tepat pada masanya, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Kemudahan itu tidak dapat disalurkan;
- e) bersetuju bahawa keputusan HLISB atas segala hal berkaitan dengan Promosi adalah tepat, muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan Layak;
- f) bersetuju akan bertanggungjawab dan menanggung sendiri segala cukai, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang berkenaan yang mungkin dikenakan terhadap mereka menurut undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Promosi.

11. HLISB berhak :

- a) menolak sebarang permohonan Pembiayaan ASB-i yang tidak layak;
 - b) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak daripada menyertai Promosi kerana tidak mematuhi T&S ini; dan
 - c) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&S di dalam ini secara keseluruhan atau sebahagian, atau untuk menggantung atau menamatkan Promosi atas budi bicaranya dengan menyiarkannya di laman web HLISB atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap wajar oleh HLISB.
12. Sebagai tambahan kepada T&S ini, Pelanggan Layak bersetuju untuk membaca T&S ini dan Terma dan Syarat Pembiayaan ASB-i sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, T&S ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
13. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan antara T&S ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka terma dan syarat seperti yang terdapat laman web HLISB hendaklah diutamakan.
14. T&S di dalam ini adalah tertakluk pada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
15. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak, dan begitu juga sebaliknya.

Jika anda mempunyai apa-apa kemusykilan mengenai T&S ini, sila dapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang melayani anda. Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi Bank melalui e-mel di hlonline@hlbb.hongleong.com.my.